

**MASALAH KETIDAKHADIRAN MURID ORANG ASLI KE KEGIATAN
KOKURIKULUM DI SEBUAH SEKOLAH ORANG ASLI
DI PETALING JAYA :
FAKTOR DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

Aslian bin Pios
Penolong Kanan
SK Bukit Lanjan (Asli)
Bandar Damansara Perdana
47820 Petaling Jaya
Tel. : 016-3026342
Emel : lanjan_asli@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor ketidakhadiran murid Orang Asli ke kegiatan kokurikulum, minat sebenar mereka dalam kegiatan kokurikulum dan mencadangkan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh pihak guru dan pentadbir sekolah bagi mengatasi gejala tersebut. Sampel kajian dipilih melalui penelitian dokumen-dokumen sekolah seperti rekod kehadiran dan juga rekod kehadiran kokurikulum mingguan. Lima murid yang terpilih menjadi sampel kajian adalah terdiri murid Tahun 3, 4 dan 5 yang kerap tidak hadir kegiatan kokurikulum tetapi pada hari yang sama hadir ke sesi persekolahan biasa. Data diperoleh melalui kaedah temu bual di mana setiap responden diajukan soalan yang sama dalam bentuk separuh berstruktur. Dapatan kajian menemukan faktor-faktor sikap pelajar, sikap ibu bapa serta budaya Orang Asli, kegiatan yang tidak digemari dan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi gejala ketidakhadiran ke kegiatan kokurikulum sekolah. Selain itu dapatan kajian juga menemukan faktor yang dapat menarik minat mereka untuk hadir kegiatan kokurikulum iaitu sukan dan permainan, aktiviti perkhemahan, pertandingan dan lawatan, guru yang mesra dan berkesan serta aktiviti yang menyeronokkan dan tidak asing dengan budaya Orang Asli. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak guru dan pentadbir sekolah untuk diambil tindakan bagi menangani masalah ketidakhadiran murid Orang Asli sekolah tersebut ke kegiatan kokurikulum.

1.0 PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa kehadiran murid ke kegiatan kokurikulum sekolah adalah sama wajibnya dengan kehadiran mereka ke sesi persekolahan biasa. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KP(BS) 8591/ Jilid 11 (29) bertarikh 02 Januari 1985 Kementerian Pelajaran Malaysia yang mewajibkan semua pelajar sekolah menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Kegiatan kokurikulum berperanan sebagai pelengkap keseimbangan pelajar dalam bidang pelajaran yang menjurus kepada perkembangan intelek dengan membekalkan unsur-unsur perkembangan jasmani, rohani, emosi, intelek dan yang tidak kurang pentingnya memperkembangkan kemahiran sosial antara pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum, ras, kepercayaan dan kebudayaan tanpa ada unsur diskriminasi seperti yang juga dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/2000, KP(BS)8591/Jld. XVI(16) bertarikh 13 Nov. 2000 iaitu selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara.

Aktiviti kokurikulum di sekolah juga bertujuan untuk memaju dan mengembangkan minat, bakat dan kemahiran pelajar dalam bidang-bidang tertentu. Di samping itu pelajar dilatih untuk mengisi masa lapang dengan gerak kerja berfaedah, membina kesihatan dan kesejahteraan diri, serta memberi peluang kepada pelajar untuk berkhidmat kepada sekolah dan masyarakat. Pelajar dapat digalakkan dengan semangat bekerjasama, menghormati peraturan, memupuk sikap kekitaan, bertanggungjawab, berdikari dan berkemahiran.

2.0 PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Masalah ketidakhadiran Orang Asli ke kegiatan kokurikulum telah menjadi satu isu yang sering diperkatakan di sekolah yang dikaji. Takrif ponteng kokurikulum adalah tidak tepat digunakan kerana rata-rata ibu bapa murid yang tidak hadir tahu akan ketidakhadiran anak mereka namun diperhatikan tiada usaha yang bersungguh-sungguh oleh mereka untuk memastikan anak-anak mereka hadir ke kegiatan kokurikulum sekolah. Hal ini mungkin ada kaitan dengan hasil dapatan Siti Hayati Yusoff (2010) yang telah menyenaraikan beberapa faktor berkaitan budaya, cara hidup dan pemikiran Orang Asli itu sendiri telah menyumbang kepada ketidakhadiran murid Orang Asli ke sekolah termasuk kegiatan kokurikulum yang antaranya *Hukum Sayeit* yang menghalang ibubapa Orang Asli daripada

memaksa anak mereka ke sekolah, gaya hidup '*laissez faire*', sikap sensitif dan mudah tersinggung serta tidak gemar terkongkong dan terlalu mengikut peraturan.

Selain itu beberapa faktor lain mungkin menjadi penyebab seperti dapatan kajian Zainal Sarib (2003) di mana beliau mendapati pengaruh rakan sebaya, kealpaan ibu bapa, minat pelajar dan perancangan serta pelaksanaan guru merupakan faktor-faktor dominan yang mempengaruhi ketidakhadiran pelajar di dalam kegiatan kokurikulum. Manakala hasil kajian yang dibuat oleh Mastura Muhamad (2010) mendapati hampir 40 peratus sampel pelajar yang dikaji tidak menghadiri kegiatan kokurikulum di atas sikap mereka sendiri iaitu diikuti oleh faktor-faktor lain seperti aktiviti tidak menarik sebanyak 34 peratus, faktor guru sebanyak 14 peratus dan lain-lain faktor sebanyak 13 peratus.

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui faktor sebenar ketidakhadiran murid Orang Asli sekolah yang dikaji ke kegiatan kokurikulum mingguan, memahami minat sebenar mereka dalam kegiatan kokurikulum dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pentadbir sekolah tersebut bagi menangani masalah ketidakhadiran ini.

3.0 KEPENTINGAN KAJIAN DAN BATASAN KAJIAN

Dapatan kajian ini akan dapat membantu pihak pentadbir sekolah dalam mengenalpasti punca ketidakhadiran pelajar Orang Asli dan kurangnya minat mereka dalam menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Hasil kajian juga akan dapat memberi input yang berguna kepada pihak pentadbir sekolah dalam merangka strategi dan mengambil tindakan yang sesuai bagi menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar tersebut dalam kegiatan kokurikulum di masa hadapan. Kajian ini meliputi hanya murid Orang Asli Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 yang terpilih daripada sekolah yang dikaji. Ianya tidak menggambarkan senario sebenar murid-murid Orang Asli di sekolah-sekolah lain.

4.0 METODOLOGI DAN PERSAMPELAN

Seorang pakar psikologi George Kelly (1995) pernah menyatakan jika kita tidak dapat memahami sesuatu masalah itu, maka kaedah yang paling baik ialah dengan bertanyakan kepada mereka yang terlibat dalam masalah tersebut. Oleh yang demikian dalam kajian ini,

kaedah yang akan digunakan ialah kaedah kualitatif di mana instrumen yang digunakan adalah dalam bentuk temu bual dengan murid Orang Asli yang terlibat dan juga analisis terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan.

Satu set soalan temu bual yang berbentuk separuh berstruktur ditanyakan kepada setiap sampel yang terlibat. Kaedah temu bual digunakan kerana ianya akan menghasilkan maklumat yang lebih mendalam melalui soalan-soalan berpandu yang menjurus mencari faktor sebenar pelajar terbabit kerap tidak hadir ke kegiatan kokurikulum dan juga apakah minat sebenar mereka dalam kegiatan kokurikulum iaitu berlandaskan soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1. Jenis soalan-soalan yang diajukan adalah berbentuk soalan terbuka yang bertujuan untuk mencungkil maklumat lebih lanjut daripada pelajar terbabit. Segala maklumbalas akan dikumpul dalam borang khas dan dinilai untuk tindakan seterusnya.

Analisis dokumen pula akan dilakukan pada rekod kehadiran kokurikulum pelajar, buku rekod kehadiran pelajar, jadual kegiatan kokurikulum sekolah dan takwim sekolah yang merupakan dokumen rasmi sekolah. Dokumen-dokumen ini dianalisis kerana ianya merupakan bukti sahih dan rasmi ketidakhadiran pelajar terbabit ke kegiatan kokurikulum dan seterusnya menerangkan kekerapan dan pola ketidakhadiran mereka dalam kegiatan kokurikulum yang melibatkan 3 kegiatan utama iaitu unit beruniform, persatuan / kelab dan sukan / permainan.

Sampel kajian adalah terdiri daripada 5 orang pelajar Orang Asli yang kerap tidak hadir kegiatan kokurikulum. Kaedah pemilihan sampel kajian adalah menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu yang melibatkan kumpulan yang kecil yang terdiri daripada mereka yang dikenal pasti sebagai paling kerap tidak hadir kegiatan kokurikulum mingguan melalui semakan rekod kehadiran kegiatan kokurikulum sekolah.

Tumpuan pemilihan sampel ialah mereka yang peratus kehadirannya kokurikulum mingguannya iaitu pada setiap hari Rabu di bawah 75%. Selain itu responden juga dipilih berdasarkan kepada mereka yang hadir untuk sesi persekolahan biasa pada waktu pagi

tetapi tidak hadir ke kegiatan kokurikulum pada sebelah petangnya. Mereka yang terpilih sebagai responden adalah terdiri daripada pelajar Orang Asli tahun 3, 4 dan 5 di mana jantina bukanlah kriteria untuk pemilihan sampel. Jadual 1 menunjukkan maklumat ringkas mengenai responden-responden kajian.

Jadual 1

Tajuk: *Profil Responden Kajian*

No. Responden	Jantina	Tahun	Kaum	Pekerjaan Ibubapa / Penjaga
1	Lelaki	3	Asli Temuan	Bapa : Jaga Ibu : Suri rumah
2	Lelaki	3	Asli Temuan	Ibu : Buruh
3	Perempuan	5	Asli Temuan	Bapa : Tidak bekerja Ibu : Buruh
4	Lelaki	5	Asli Temuan	Bapa :Penghantar barang Ibu : Surirumah
5	Perempuan	4	Asli Temuan	Bapa : Buruh Ibu : Suri rumah

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan daripada temu bual dengan responden-responden yang terbabit telah menemukan beberapa faktor yang menyebabkan mereka sering tidak hadir ke kegiatan kokurikulum mingguan sekolah. Selain itu dinyatakan juga perkaitan dapatan kajian dengan kajian-kajian lain telah dilakukan terdahulu. Faktor-faktor tersebut dinyatakan seperti berikut:

5.1 Faktor Sikap Murid

Maklum balas daripada responden-responden kajian telah menemukan faktor sikap murid Orang Asli terbabit menjadi antara faktor utama mereka tidak hadir kegiatan kokurikulum sekolah. Alasan malas telah diberikan oleh responden pertama dan kedua manakala responden ketiga telah memberikan alasan mengantuk dan gemar tidur siang. Responden kelima pula memberikan alasan penat kerana sering tidur lewat kerana asyik menonton televisyen pada malam sebelumnya.

Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Johari dan Nik Selma (2010) dalam kajian mereka berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan masalah ponteng sekolah di sekolah menengah daerah Kulaijaya, Johor yang menemukan faktor sikap murid merupakan salah satu faktor utama pelajar ponteng sekolah. Begitu juga faktor sikap murid ini juga sealiran dengan dapatan kajian Azizi Yahaya et. Al. (2007) yang menyatakan faktor-faktor ponteng dan ketidakhadiran pelajar ialah sikap pelajar itu sendiri. Dapatan kajian ini juga bersesuaian dengan hasil kajian Zainal Sarib (2003) mengenai faktor tidak berminat antara punca murid tidak hadir kegiatan kokurikulum. Selain itu ia juga menyokong pendapat Zainal Sarib (2003) yang menyatakan faktor minat pelajar dan sikap mereka yang tidak serius antara penyumbang kepada ketidakhadiran pelajar ke sekolah.

5.2 Faktor Sikap Ibu Bapa Dan Pengaruh Budaya Orang Asli

Sikap ibu bapa Orang Asli yang tidak bersungguh-sungguh memaksa anak-anak mereka hadir kegiatan kokurikulum juga menjadi faktor penyebab mereka tidak hadir kegiatan kokurikulum sekolah. Hal ini dimaklumi melalui dapatan temu bual daripada kesemua responden di mana mereka menyatakan ibu bapa mereka tahu akan kewajipan menghadiri kegiatan kokurikulum tetapi tidak pernah memaksa dan marah jika mereka enggan menghadirinya. Sikap ibu bapa yang terlalu memanjakan anak dan mengikut kata anak-anak secara berlebihan mungkin ada kaitan dengan budaya pemikiran masyarakat Orang Asli itu sendiri sebagai contohnya masih berpegang kepada '*Hukum Sayeit*' iaitu selari dengan dapatan kajian Siti Hayati Mohd. Yusoff (2010) yang telah menyenaraikan beberapa faktor budaya pemikiran Orang Asli seperti '*Hukum Sayeit*', kehidupan '*lasiez faire*', sikap sensitif dan mudah tersinggung, tidak gemar terkongkong serta terikat dengan peraturan boleh membawa kesan negatif kepada pencapaian anak-anak Orang Asli di sekolah.

Dapatan kajian ini juga bersesuaian dengan pendapat Ken Reid (2008) yang telah menyenaraikan faktor kurangnya perhatian ibu bapa antara penyebab kepada gejala ponteng di sekolah. Kajian penulis yang sama pada Tahun 2003 telah menyenaraikan peranan ibu bapa sebagai antara terpenting dalam memantau tahap kehadiran murid ke sekolah. Kajian ini juga menyokong dapatan kajian Zainal Sarib (2003) yang menyatakan

pengaruh ibu bapa mempengaruhi ketidakhadiran pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Begitu juga dapatan kajian senada dengan pendapat Azizi Yahya, et.al. (2007) yang menyenaraikan faktor ibu bapa antara sebab yang mempengaruhi pelajar ponteng. Berikutnya dapatan kajian juga menyokong kajian Asma Nabihah (2004) yang mengatakan faktor sikap ibu bapa dan penjaga antara faktor utama penyebab pelajar ponteng sekolah.

5.3 Faktor Ada Jenis Kegiatan Kokurikulum Yang Tidak Digemari

Dapatan temu bual dengan responden pertama, ketiga, keempat dan kelima telah menemukan bahawa aktiviti berkawad dalam Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) sangat tidak digemari oleh mereka dengan alasan penat, pening dan panas. Hal ini mungkin berpunca daripada aktiviti berkawad tersebut menuntut stamina, disiplin, semangat yang jitu dan juga mungkin membosankan mereka. Mereka ini tidak akan menghadiri kegiatan kokurikulum mingguan jika diketahui pada minggu tersebut ada latihan berkawad dalam kegiatan TKRS.

Dapatan kajian ini menyokong pendapat Zainal Sarib (2003) bahawa faktor murid tidak berminat dan perancangan serta pelaksanaan guru yang lemah menyebabkan murid kerap tidak hadir kegiatan kokurikulum. Begitu juga ianya bersangkutan dengan kajian Mastura Mohamad (2010) yang telah menyenaraikan faktor aktiviti kokurikulum yang tidak menarik sebagai faktor kedua terbanyak murid tidak hadir kokurikulum hasil daripada soal-selidik yang dilakukan beliau terhadap 58 sampel pelajar sebuah sekolah menengah.

5.4 Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Rakan sebaya juga mempengaruhi murid Orang Asli yang terlibat sama ada untuk hadir atau tidak ke kegiatan kokurikulum mingguan. Ini diperolehi daripada maklum balas responden keempat dan kelima yang mengatakan mereka akan datang kokurikulum jika ramai rakan yang hadir dan jika ramai rakan mereka tidak hadir maka mereka juga tidak hadir ke kegiatan kokurikulum sekolah.

Apa yang diperhatikan murid Orang Asli ini lebih selesa menjalankan aktiviti kokurikulum jika dilaksanakan beramai-ramai dengan rakan-rakan mereka untuk menghilangkan sifat

malu mereka yang agak menebal. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Siti Hayati Mohd. Yusoff (2010) yang menyatakan pelajar Orang Asli sensitif, mudah tersinggung dan pemalu. Selain itu dapatan ini adalah selaras dengan kajian Kamalia Nor (2007) dan kajian Zainal Sarib (2003) yang mengenalpasti pengaruh rakan sebaya sebagai faktor minat murid untuk hadir kokurikulum dan begitu juga sebaliknya rakan sebaya juga boleh mempengaruhi murid untuk ponteng kegiatan kokurikulum. Begitu juga dengan dapatan hasil kajian Johari & Nik Selma (2010) dan Azizi Yahya et. al. (2007) yang menyenaraikan faktor rakan sebaya mempengaruhi gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar.

5.6 MINAT SEBENAR MURID ORANG ASLI DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM

Dapatan temu bual dengan responden juga mendapati beberapa aktiviti atau aspek yang jika dirancang dan dilaksanakan secara konsisten akan berupaya menarik minat murid Orang Asli untuk hadir ke kegiatan kokurikulum mingguan sekolah. Tahap kehadiran murid akan bertambah jika perkara yang mereka minati wujud di dalam aktiviti kokurikulum sesuatu minggu tersebut. Aktiviti atau aspek tersebut adalah:

5.6.1 Sukan dan Permainan

Responden kedua, ketiga, keempat dan kelima telah memaklumkan bahawa mereka akan lebih teruja untuk datang jika aktiviti kokurikulum pada minggu tersebut adalah kegiatan sukan dan permainan. Manakala jenis sukan yang diminati rata-ratanya berbentuk kumpulan seperti bola sepak yang dinyatakan oleh responden pertama dan kedua, sepak takraw oleh responden keempat dan bola jaring oleh responden kelima. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang telah dibuat oleh Ravichanthiran (2007) yang telah menyenaraikan bahawa aktiviti permainan sebagai pencetus minat utama untuk pelajar hadir kegiatan kokurikulum.

5.6.2 Aktiviti Perkhemahan, Pertandingan dan Lawatan

Seterusnya dapatan kajian juga mendapati aktiviti perkhemahan juga menjadi penarik minat untuk sertai kokurikulum. Maklumbalas ini diperolehi daripada responden kelima yang menyatakan beliau gemarkan aktiviti yang menyeronokkan seperti berkhemah dan memasak. Selain itu menurut responden kelima lagi aktiviti tersebut sama dengan aktiviti '*meredum*' dengan keluarga beliau iaitu berkhemah di dalam hutan dan memasak hasil tangkapan dan buruan.

Latihan perkhemahan seperti membuat '*gadget*', ikhtiar hidup, memasang khemah dan memasak sudah tentu menarik minat mereka terutama bagi murid Orang Asli yang diketahui hidup mereka lebih dekat dengan alam sekitar dan sesuai dengan budaya hidup mereka yang sering ke dusun, hutan dan sebagainya. Hal ini selari dengan Teori Sosial Bandura yang menggariskan bahawa dorongan dan persekitaran boleh mempengaruhi tingkahlaku seseorang.

Seterusnya dapatan kajian menemukan murid akan berminat hadir jika kerap diadakan pertandingan dan lawatan. Ini didapati melalui maklumbalas responden kedua yang menyatakan adanya pertandingan dan lawatan akan menarik minatnya ke kegiatan kokurikulum sekolah. Pertandingan di sini boleh dalam sebarang kegiatan sukan, persatuan malah unit beruniform sekalipun. Pertandingan yang diadakan akan melahirkan sikap kerjasama sepasukan, tolak-ansur rakan sebaya dan kesungguhan untuk berjaya seperti yang dinyatakan oleh Teori Konsep Sosial B.F. Skinner (1953) iaitu ganjaran yang diperolehi daripada perhubungan interpersonal dengan rakan sebaya adalah lebih tinggi daripada perkara-perkara lain. Lawatan sambil belajar pula boleh dianjurkan oleh semua cabang kegiatan kokurikulum tadi dengan penekanan lawatan ke tempat-tempat yang sesuai dengan jiwa, minat dan persekitaran murid Orang Asli sebagai contohnya lawatan ke Zoo Negara, Aquaria dan Taman Pertanian Bukit Cerakah. Dapatan ini menyokong hasil kajian Ravichanthiran (2007) yang mengatakan lawatan sebagai salah satu daya penarik pelajar untuk mengikuti kegiatan kokurikulum di sekolah.

5.6.3 Guru Yang Berkesan, Kreatif Dan Mesra

Dapatan temubual daripada responden pertama yang menyatakan beliau suka datang jika guru yang baik, bagus, suka ketawa, tidak garang dan tidak marah-marah. Hal ini merujuk guru yang berkesan yang mengendalikan aktiviti kokurikulum dengan kreatif dan kepelbagaian aktiviti, mesra dan ada unsur kecindan akan menarik minat murid Orang Asli untuk hadir kegiatan kokurikulum.

Dapatan ini menyokong kajian Kamalia Nor (2007) yang mendapati faktor guru berada dalam kategori sederhana mempengaruhi gejala ponteng di sekolah. Seterusnya dapatan juga selari dengan kajian Zainal Sarib (2003) yang mengatakan perancangan dan pelaksanaan guru yang lemah mempengaruhi kehadiran pelajar ke aktiviti kokurikulum dan juga kajian Mastura Mohamad (2010) yang menggariskan faktor guru sebagai faktor ketiga murid tidak hadir aktiviti kokurikulum.

6.0 CADANGAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PIHAK SEKOLAH BAGI MENGGALAKKAN MURID MENGHADIRI KEGIATAN KOKURIKULUM SEKOLAH

Dapatan kajian ini juga berjaya mendapatkan maklumbalas daripada murid yang dikaji itu sendiri tentang apa yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah bagi menggalakkan murid hadir kegiatan kokurikulum seterusnya merumuskannya dalam bentuk cadangan tindakan yang boleh diambil oleh sekolah terbabit. Cadangan-cadangan ini boleh digunakan oleh pihak sekolah bagi membuat penambahbaikan malah perubahan drastik jika perlu pada dasar dan amalan yang dilakukan bagi tujuan menarik minat kehadiran murid Orang Asli ke kegiatan kokurikulum sekolah.

Berikut adalah cadangan-cadangan yang boleh membantu pihak sekolah berkaitan dengan isu ketidakhadiran murid Orang Asli ke kegiatan kokurikulum sekolah:-

- i) Setiap aktiviti kokurikulum dalam bidang sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta kegiatan unit beruniform hendaklah dirancang secara proaktif dengan menggabungkan kehendak dasar Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kehendak dan minat murid Orang Asli itu sendiri serta seboleh mungkin mempunyai perkaitan dengan budaya dan cara hidup mereka. Ianya mestilah bersifat sepanjang tahun dan bukannya bermusim sahaja.
- ii) Pihak sekolah boleh mengaturkan mengikut takwim kokurikulum sekolah secara konsiten aktiviti-aktiviti kokurikulum yang bersifat perlawanan, pertandingan dan persembahan terutamanya dalam bidang sukan dan permainan serta tidak terlalu menekankan aktiviti yang memerlukan tahap disiplin yang tinggi dan mengongkong seperti berkawad dan sebagainya.
- iii) Guru-guru yang mengendalikan kegiatan kokurikulum hendaklah sentiasa diingatkan menggunakan pendekatan '*soft landing*' iaitu mesra, sabar dan mempunyai unsur-unsur kecintaan bila melaksanakan aktiviti kokurikulum terhadap murid Orang Asli. Mereka juga sebolehnya diamanahkan mengendalikan kegiatan kokurikulum berdasarkan minat dan kebolehan mereka agar aktiviti yang diuruskan oleh mereka dapat memberikan impak yang positif kepada murid Orang Asli.
- iv) Ibu bapa murid Orang Asli hendaklah diberikan kesedaran tentang kepentingan kehadiran anak mereka ke kegiatan kokurikulum sekolah seperti taklimat awal tahun, hari terbuka sekolah atau melalui media lain yang bersesuaian. Selain itu mereka boleh dilibatkan di dalam aktiviti kokurikulum sekolah seperti perkhemahan dengan sama-sama mencari kayu api, penyediaan tapak perkhemahan atau membuat demonstrasi kemahiran hidup yang memang menjadi kepakaran mereka.
- v) Mewujudkan sistem ganjaran positif kepada murid Orang Asli yang kerap hadir kegiatan kokurikulum dalam bentuk sijil penghargaan, lawatan, hadiah

dan sebagainya. Sebagai contohnya menyampaikan lencana setia kokurikulum kepada murid-murid yang baik kehadirannya pada Hari Penyampaian Hadiah atau Hari Kokurikulum bertujuan untuk memberi motivasi kepada mereka dan menarik minat rakan-rakan yang lain untuk hadir secara tekal ke kegiatan kokurikulum sekolah.

7.0 RUMUSAN

Kegiatan kokurikulum adalah bertujuan untuk memberi keseimbangan terhadap aspek emosi, rohani, jasmani dan intelek pelajar. Ianya adalah pelengkap kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah. Kegiatan kokurikulum ini menjadi lebih penting di sekolah Orang Asli kerana ianya juga menjadi faktor yang dapat menarik minat murid Orang Asli untuk terus mengikuti sistem pendidikan yang diberikan kepada mereka. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab pihak pentadbir sekolah dan guru-guru yang terlibat untuk membuat penambahbaikan yang proaktif agar segala dasar dan objektif KPM dalam bidang kokurikulum dipatuhi dan pada masa yang sama juga mengambilkira kehendak, minat dan budaya masyarakat Orang Asli setempat agar kegiatan kokurikulum yang dihadiri kekal relevan kepada mereka serta dapat memberikan impak yang positif kepada kehidupan mereka.

RUJUKAN

- Reid, K. (2003). *Strategic approaches to tackling school absenteeism and truancy: the traffic lights (TL) scheme*. Educational Review. Vol. 55, No. 3.
- _____. (2008) *The causes of non-attendance: an empirical study*. Educational Review. Vol. 60. No.4.
- Kamalia Nor. (2007). *Faktor-faktor yang menyumbang kepada gejala ponteng di kalangan pelajar di sekolah menengah kebangsaan tasek utara 2, johor bahru, johor darul ta'zim: satu tinjauan*. Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaina Sarib. (2003). *Faktor-faktor yang mempengaruhi ketidakhadiran pelajar sekolah menengah kebangsaan taman universiti 2 dalam aktiviti kokurikulum* Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, et. al. (2011). *Perkaitan antara gejala ponteng sekolah, kelas dan kokurikulum dengan pencapaian akademik pelajar di sebuah sekolah menengah daerah skudai, johor bahru*. Jurnal Teknologi, 54 (Sains Sosial).Universiti Teknologi Malaysia.
- _____. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dikalangan pelajar sekolah menengah johor*. Jurnal Teknologi (Sains Sosial).Universiti Teknologi Malaysia.
- Asma Nabihah (2004). *Faktor-faktor pelajar felda ponteng sekolah: satu kajian di sekolah menengah kebangsaan air tawar,kota tinggi*. Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Johari Hassan & Nik Selma Muhammad (2010). *Faktor-faktor yang menyebabkan masalah ponteng sekolah di sekolah menengah daerah kulaijaya, johor*. Tesis Universiti Teknologi Malaysia.
- Ravichanthiran Retnam. (2007). *Meningkatkan kehadiran kokurikulum pelajar melalui 'program magnet'*. Program Kajian Tindakan Negeri Perak Peringkat Sekolah. Unit Kurikulum Jabatan Pelajaran Perak.
- Rusman Malili. (2010) Kajian kes sekolah rendah. [atas talian]. <http://www.rusmanmalili.com/pdf/kajian-kes-sek-rendah.html>. [16 April 2011]
- Scribd.com. (2010). Intervensi Ponteng. [atas talia]. <http://www.scribd.com/doc/21717445/Intervensi>. [20 April 2011]

Siti Hayati Mohd. Yusoff. (2010). Bahan internet budaya. (atas talian)
<http://www.slideshare.net/guest49fcffbc/bahan-internet-budaya/download>. [20
April 201].

